

ANALISA TREN KEMASUKAN PELAJAR: KAJIAN KES DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

**Abdul Hadi Awang, Nor ‘Adha Abdul Hamid, Mohd Farok Mat Nor,
Norziah Othman, Nurkaliza Khalid, Rahmahtunnisah Sailin.**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

abdulhadi@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my, mohdfarok@kuis.edu.my,
norziah@kuis.edu.my, nurkaliza@kuis.edu.my, rahmahtunnisah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Analisa tren kemasukan pelajar adalah satu kajian penting untuk mendapatkan fakta tentang statistik kemasukan pelajar ke KUIS. Kajian ini dijalankan dengan meninjau kajian literatur dan juga data statistik kemasukan pelajar ke KUIS dari tahun 2009 hingga 2014. Data yang diperolehi pada asasnya adalah untuk menilai kenaikan dan kemerosotan kemasukan pelajar. Walaubagaimanapun data ini menjurus kepada penganalisan faktor-faktor pendorong kemasukan pelajar ke KUIS dan untuk menambahbaik sebarang faktor penolak kepada kemasukan pelajar ke KUIS. Penilaian boleh dibuat bagi melihat pola kenaikan dan penurunan berdasarkan tahun kemasukan. Punca kepada bentuk pola atau tren ini juga dinyatakan dalam kertas kajian ini. Kajian awal mendapati berlaku penyusutan kemasukan pelajar dari tahun 2009 hingga 2012, namun kenaikan semula pada tahun 2013 dan jangkaan terus meningkat pada tahun 2014. Kupasan tren kemasukan dan faktor positif turut dibincangkan.

Kata Kunci – *Tren kemasukan pelajar, kemerosotan, faktor penolak..*

PENGENALAN

Permintaan terhadap pendidikan pengajian tinggi di Malaysia memperlihatkan tren yang semakin meningkat. Line & Veronica (2007) menyatakan keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menggunakan pelbagai bahasa dan kos sara hidup yang rendah serta pertambahan perkongsian dengan negara luar menjadikan Malaysia sebagai negara yang semakin berdaya saing terutamanya dalam pendidikan tinggi di dunia. Kualiti pendidikan di peringkat sekolah yang telah ditambah dengan pencapaian akademik pelajar yang semakin cemerlang telah melayakkan lebih ramai penuntut lepasan tingkatan lima dan enam serta matrikulasi melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. Tarikan untuk menyertai pengajian tinggi menjadi lebih hebat apabila masyarakat menyedari bahawa pelaburan dalam pendidikan dapat menjamin masa depan seseorang individu (Liew Chei Siang & Lam Eileen 2008).

Tren kemasukan pelajar ke sesebuah universiti penting bagi menilai tahap pencapaian universiti tersebut daripada aspek program yang ditawarkan, kebolehan dan tahap akademik universiti tersebut. KUIS merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang tidak terkecuali daripada dinilai oleh bakal pelajar yang ingin menyambung pengajian di peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Penilaian ini bakal diterjemahkan melalui keputusan yang akan diambil oleh kelompok pelajar tersebut dalam pemilihan ke KUIS atau institusi pengajian tinggi yang lain.

Yuzainee et.al (2011) menyatakan bahawa kualiti program yang diiktiraf merupakan faktor paling penting yang mempengaruhi keputusan pemilihan pelajar oleh kerana terdapat jaminan kebolehpasaran. Reputasi dan kemudahan prasarana sesebuah universiti pula menjadi faktor yang kedua dan ketiga penting dalam keputusan pemilihan tersebut. Namun menurut Sidek (2010), tajdid dalam ilmu dan pendidikan yang memberi fokus kepada asas pandangan semesta kepada perspektif fardu ain dan kifayah serta kualiti modal insan yang memiliki keupayaan teknologi dan keinsanan yg tinggi harus diserlahkan kembali.

Liew Chei Siang & Lam Eileen (2008) menjelaskan bahawa pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lebih mengutamakan faktor-faktor yang berkaitan dengan dimensi kewangan dan dimensi institusi semasa memilih institusi pengajian berbanding dengan pelajar Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lebih mementingkan faktor-faktor yang berhubung dengan dimensi institusi dan akademik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat tren kemasukan pelajar ke KUIS dari tahun 2009 sehingga tahun 2014. Tren ini melambangkan kebolehpasaran KUIS sebagai sebuah IPTS yang menerapkan elemen Islam dalam kurikulumnya. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti faktor yang mendorong pelajar memilih KUIS sebagai pusat pengajian bagi melanjutkan pelajaran.

METODOLOGI KAJIAN


Kertas kerja ini membincangkan dapatan berdasarkan analisis daripada statistik data kemasukan pelajar bagi lima tahun ke belakang bermula tahun 2009 sehingga 2014. Data statistik ini diperoleh daripada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), KUIS yang bertanggungjawab bagi mengendalikan proses serta rekod kemasukan pelajar.

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN


KUIS menyediakan 48 program berdaya saing pada peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah yang ditawarkan oleh enam buah fakulti pengajian. Jadual 4.1 dan Rajah 4.1 menunjukkan tren kemasukan pelajar ke KUIS mengikut fakulti bagi lima tahun ke belakang dari tahun 2009 sehingga 2014:

Jadual 4.1: Tren Kemasukan Pelajar ke KUIS berdasarkan Fakulti Pengajian

Fakulti/Pusat	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Akademi Islam	798	755	592	606	962	773
Fakulti Pengurusan & Muamalah	1179	1079	518	312	384	627
Fakulti Sains, Teknologi & Multimedia	210	236	166	174	142	119
Fakulti Pendidikan	797	332	211	140	222	184
Pusat Asasi	171	157	137	128	371	377
Pusat Pengajian Siswazah	10	13	-	-	47	3
Jumlah	3165	2572	1624	1360	2128	2083



Rajah 4.1 Graf Kekerapan Poligon bagi Tren Kemasukan Pelajar berdasarkan Fakulti Pengajian di KUIS.



Rajah 4.2: Enrolmen kemasukan pelajar ke KUIS dari tahun 2009 sehingga 2014.

Merujuk kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) KUIS, statistik data kemasukan pelajar bagi lima tahun ke belakang (2009-2014) menunjukkan berlaku penurunan dan kenaikan. Merujuk Rajah 4.2, tren kemasukan pelajar ke KUIS menunjukkan fasa penurunan yang ketara dari tahun 2009 ke tahun 2012. Namun bermula tahun 2013, tren kemasukan pelajar ke KUIS menunjukkan sedikit kenaikan dan terus meningkat dengan baik pada pengambilan semester pertama 2014. Berdasarkan kepada tren tersebut, maka dijangkakan bahawa akan berlaku lagi peningkatan kepada kemasukan pelajar ke KUIS dengan sasaran jumlah keseluruhan pelajar mencecah tiga ribu orang bagi tahun berakhir 2014. Tren kemasukan pelajar ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara seperti penawaran program yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), program yang menepati kehendak pasaran, kemudahan infrastruktur yang baik, kakitangan akademik yang berkualiti dan sebagainya.

Peningkatan kepada tren kemasukan pelajar ke KUIS juga dibantu oleh tindakan agresif oleh Bahagian Pemasaran Dan Komunikasi (MARCOM), KUIS yang memperkenalkan beberapa pendekatan baru bagi menarik minat bakal pelajar yang berminat menyambung pengajian di KUIS. Skim Insentif Buat Warga KUIS dan Perjanjian Persefahaman (*Note of Understanding*)

dengan beberapa pusat pengajian tempatan dan antarabangsa merupakan antara program yang diadakan bagi membantu peningkatan kepada tren kemasukan tersebut.

Menurut Rusinah et.al (2002), kedudukan kewangan dalaman yang mantap adalah penting kepada sebuah institusi pengajian tinggi bagi memacu ke arah pembentukan universiti yang bermutu dan bertaraf dunia. Sebuah institusi pengajian swasta seperti KUIS bergantung kepada yuran pendaftaran pelajar bagi membantu urusan penyelenggaraan universiti. Oleh itu bilangan pelajar menambahkan pendapatan dan menyumbang kepada jaminan kewangan yang kukuh. Tren kemasukan pelajar ini menyediakan input berguna bagi meramal tahap kewangan dan seterusnya kos yang terlibat.

Oleh itu kertas kerja ini dapat merumuskan bahawa beberapa faktor mampu menjadi pendorong kepada peningkatan kemasukan pelajar ke KUIS iaitu

- i. Program yang menepati ‘*niche*’ fakulti, dinamik, berimpak dan memenuhi kehendak pasaran.
- ii. Yuran yang sangat berpatutan dan kompetitif berbanding institusi pengajian tinggi tempatan yang lain.
- iii. Kemudahan infrastruktur yang mencukupi, selamat dan selesa.
- iv. Kakitangan akademik yang berke Layakan dan pentadbiran yang komited dengan tugas masing-masing.
- v. Promosi yang memberi impak berterusan oleh Bahagian Pemasaran Dan Komunikasi (MARCOM), KUIS.

KESIMPULAN

Semua pihak termasuk kakitangan pentadbiran dan akademik malah juga pelajar sedia ada tidak dapat dinafikan bersama-sama berganding bahu bagi memastikan peningkatan tren kemasukan pelajar ke KUIS. Namun kualiti pendidikan yang ditawarkan harus diberi keutamaan bagi memastikan KUIS mampu menjadi sebuah universiti yang melahirkan insan yang seimbang jasmani dan rohani.

RUJUKAN

- Line Verbik and Veronica Lasanowski. 2007. International Student Mobility: Patterns and Trends. The Observatory On Borderless Higher Education Report. International Strategic Information Service.
- Liew Chei Siang, Lam Eileen. 2008. Analisis Pengaruh Pemilihan Jenis Institusi Pengajian Tinggi Di Kalangan Pelajar IPTA Dan IPTS. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III 2008. Daya Tahan Ekonomi Negara: Dasar dan Strategi Pengukuhan.
- M. Y. Yuzainee, A. R. Fadhilah dan B. Faridah. 2011. Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Memilih Universiti: Kajian Kes. Proceeding 1st International Symposium On Conducive Learning Environment For Smart School. 134-147.
- Rusnah Siron, Abu Bakar Sedek Abdul Jamak, Nuradli Ridzwan Shah, Mohd Amin Hj. Tasripan. 2002. Universiti Swasta – Halatuju, Tindakan Dan Perlaksanaan Ke Arah Pembentukan Universiti Bertaraf Dunia. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sains, Teknologi Dan Sains Sosial. 27-28 Mei 2002. Hotel Vistana Kuantan.
- Sidek Baba. 2010. Tajdid Ilmu Dan Pendidikan. *Pemikir* Bil. 62(169-186).
- <http://www.kuis.edu.my/v3/skim-insentif-buat-warga-kuis> - 23 Oktober 2014.
- <http://www.kuis.edu.my/v3/majlis-nou-antara-kuis-dan-jabatan-pengajian-politeknik> - 23 Oktober 2014.